

LAPORAN RINGKAS
20th UN/INTOSAI SYMPOSIUM
THEME: INTOSAI - ACTIVE PARTNER IN THE INTERNATIONAL ANTI-CORRUPTION NETWORK; ENSURING TRANSPARENCY TO PROMOTE SOCIAL SECURITY AND POVERTY REDUCTION, VIENNA, AUSTRIA
11 – 13 FEBRUARY 2009

Y. Bhg. Tan Sri Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia dan Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan, Pengarah Audit Negeri Sarawak telah menghadiri Simposium Ke-20 UN/INTOSAI berlangsung di Vienna International Centre, Vienna. Simposium tersebut telah dihadiri oleh 150 peserta yang terdiri daripada wakil peringkat tertinggi dari *World Bank/INTOSAI/United Nations/Institute of Internal Auditors/Interpol/United Nations Convention of Anti-Corruption* serta SAIs. Sembilan belas kertas kerja telah dibentangkan atas tema *INTOSAI- Active Partner In The International Anti Corruption Network: Ensuring Transparency To Promote Social Security and Poverty Reduction*.



Pada hari kedua simposium, peserta telah dipecahkan kepada 6 kumpulan di mana KAN dan En. Khalid Khan mengambil bahagian dalam kumpulan perbincangan English 2 yang dipengerusikan oleh Prof. Dr. Anwar Nasution, Chairman BAPEKA, Republik Indonesia. Anggota kumpulan English 2 terdiri daripada EU Court of Auditors, Sri Lanka, Tonga, Vietnam, Korea, Malta, Indonesia, Malaysia, Papua New Guinea dan En. Khalid Khan telah dilantik sebagai rapporteur kumpulan.

Perbincangan kumpulan adalah berkisar kepada 3 perkara utama, iaitu:

- Sumbangan SAI dalam menangani fraud dan rasuah di dalam dan luar negara.
- Peranan institusi antarabangsa dan bagaimana saluran komunikasi boleh ditambah baik untuk meningkatkan langkah menangani fraud dan rasuah.
- Mengukuhkan kebebasan dan kompetensi SAI untuk meningkatkan sumbangan SAI di sektor awam dan perundangan dalam menangani fraud dan rasuah.



Pada sesi perbincangan kumpulan, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Hj. Ambrin bin Buang, KAN telah membangkitkan beberapa perkara seperti berikut:

- SAI boleh memainkan peranan komplementari dan bukannya menduplikasi peranan yang dimainkan oleh agensi khusus untuk tujuan tersebut. Sebaliknya SAI harus memainkan peranan komplementari dan menjalankan penyiasatan audit dengan profesional dan kompeten. Y. Bhg. Tan Sri juga menekankan agar SAI menghasilkan laporan yang berkualiti dan dengan demikian penemuan audit boleh dijadikan asas untuk penyiasatan lanjut oleh agensi yang bertanggungjawab bagi pendakwaan ke mahkamah.
- Selain dari itu, SAI perlu meningkatkan kapasiti dan kompetensi dalam bidang ini memandangkan orang awam lebih mempercayai SAI dan oleh itu, SAI boleh memainkan peranan sebagai *whistle blower* dalam sektor awam berdasarkan aduan awam dan disokong oleh bukti kukuh. KAN juga memaklumkan bahawa *Malaysian Anti-Corruption Commission* telah mengambil tindakan dalam tempoh seminggu selepas laporan audit dikeluarkan disebabkan publisiti terhadap laporan audit telah mendapat perhatian umum dan oleh itu tidak boleh diabaikan.

Dari segi *preventive*, Y. Bhg. Tan Sri KAN menyatakan bahawa SAI Malaysia telah memainkan peranan *pro-active* dengan memberi khidmat *consultancy* dan *advisory*. Ini membantu untuk mengujudkan kesedaran tentang pentingnya kawalan dalam dan pengurusan risiko dalam sesebuah organisasi.

Di peringkat individu, KAN memaklumkan bahawa SAI Malaysia terlibat dalam penilaian terhadap pengurusan kewangan oleh pegawai kanan bagi tujuan pengesahan dalam jawatan.

Y. Bhg. Tan Sri juga menyarankan agar hasil kumpulan kerja mengenai *Fight Against Money Laundering* dikongsi sesama anggota INTOSAI secepat mungkin memandangkan isu ini merupakan isu global. Dengan demikian, SAI boleh memanfaatkan *lessons learned* dari segi bagaimana fraud dan rasuah dilakukan atau berlaku; dikesan; dan teknik dan metodologi audit yang berkesan dalam menangani fraud dan rasuah.

Rumusan dan rekomendasi dari kumpulan adalah seperti berikut:

1. Contributions of SAIs towards fighting fraud and corruption:

- *SAIs recognize that they have no legal mandate to prosecute fraud and corruption;*
- *However, they could still contribute by collecting evidence in the course of conducting their audits and by pointing out suspected cases of fraud and corruption to the appropriate authorities to take further action;*
- *In order to carry out the function that is expected from them, they need to develop competence and capacity so that they can assist the relevant authorities in pursuing their investigations;*
- *SAIs should introduce alternative communication channels for the public to inform them of suspected cases of fraud and corruption;*
- *SAIs need to engage all stakeholders in the audit process; and,*
- *SAIs need to perform a pro-active role by engaging themselves in direct discussion with auditors on system controls.*

2. International institutions (II) – role and expectations:

- *II should take the lead in providing the information framework;*
- *II should standardize information and enhance information sharing so that information should be consistent over time and across sectors;*
- *II should establish audit trail, data base on fraud and corruption;*
- *II should provide guidelines and establish specific mechanisms for SAIs to assist in the audit process; more insight in the activities of NGOs desirable; and,*
- *II should make it a condition that NGOs only get the funding from donors through the government if they fulfill accountability requirements and specific criteria.*

3. Independence and capacity of SAIs

- *Technical Aspect:*
 - *Capacity building through cooperation within INTOSAI, regional groupings and IDI;*
 - *Capacity of SAIs would be enhanced through extended partnership (cooperation/coordination) with all stake holders, provided that this cooperation is very transparent in order not to jeopardize SAI independence, and,*
 - *Capacity of auditors is increased by enhancing their skills and competence and the improvement of working conditions and facilities.*
- *Political aspect*
 - *Politicians in countries concerned have to see value of well-functioning SAIs;*
 - *Awareness building among legislators about role of SAIs and the importance of transparency and accountability;*

- *UN should be urged to adopt the Lima and Mexico Declarations on SAI independence in an UN-Resolution.*

Pada hari ketiga simposium, selepas pembentangan laporan, Pengerusi setiap kumpulan, penggulungan telah dilakukan oleh Pengerusi Teknikal, Encik Mark Babington daripada *National Audit Office, United Kingdom* berdasarkan rumusan daripada 6 kumpulan kerja yang merangkumi rangka kerja berikut:

- Menyedari bahawa rasuah adalah masalah global yang mengancam kewangan awam, peraturan perundangan dan *social prosperity* serta memburukkan lagi kewangan global dan ekonomi
- Menerima *United Nations Convention Against Corruption (UNCAC)*
- Mengukuhkan 1977 *Lima Declarations of Guidelines on Auditing Percepts*, dan 2007 *Mexico Declarations on SAI Independence*
- Setuju sepenuhnya akan perlunya SAI diberi kebebasan organisasi melalui perundangan serta diberi kuasa penuh untuk akses kepada maklumat
- Mengakui bahawa pentingnya semua institusi bekerjasama serta berkongsi maklumat seperti terkandung dalam terma UNCAC
- Menekankan keperluan bersama mengujudkan langkah percanggahan dan pengesanan serta penglibatan dalam aktiviti latihan serta sokongan dalam memerangi rasuah
- Menyedari bahawa transparensi adalah penting dalam memerangi rasuah
- Yakin bahawa kerjasama yang utuh dan bebas merupakan tonggak utama dalam memastikan keberkesanan peranan audit daripada eksekutif boleh menambah nilai dalam penyelesaian cabaran semasa

Seterusnya, aspek tanggungjawab dan peranan audit sektor awam seperti peranan yang dimainkan oleh INTOSAI serta amalan terbaik yang sepatutnya diamalkan oleh SAIs bagi memastikan urus tadbir baik dan transparensi boleh menyumbang dalam percanggahan dan pengesanan rasuah.

Secara ringkasnya, rekomendasi yang dipersetujui di akhir simposium adalah:

- Meningkatkan integriti dengan mengujudkan budaya yang menolak rasuah.
- Mengukuhkan perundangan/kod etika serta keutuhan institusi dalam menangani rasuah.
- Meningkatkan kerjasama antarabangsa di kalangan semua institusi (SAIs/INTOSAI/Regional Working Groups/International Organizations –

UN organization, WB, OECD, Interpol, IIA, OLAF and *civil society*) dalam menangani rasuah dari segi pendekatan, pertukaran maklumat, perkongsian kepakaran serta kerjasama dalam aktiviti latihan.

- Memerlukan pendekatan *interdisciplinary*.
- Menyetujui matlamat INTOSAI *Working Group on the Fight Against International Money Laundering and Corruption*.
- Menyetujui penggubalan standard amalan terbaik INTOSAI untuk SAIs.
- Menyetujui agar INTOSAI mengambil kira aspek ini dalam pelan Strategik 2011-2016.
- Mencadangkan tema, rekomen serta memberi fokus kepada audit seperti dipersetujui di INCOSAI Montivideo diberi perhatian.
- Pentingnya rangka kerja perundangan yang memberi audit mandat yang komprehensif, akses kepada maklumat yang tidak terhad, penyebaran laporan audit, pelantikan Ketua Audit Negara secara bebas, kebebasan SAI dari segi kewangan, organisasi dan fungsi.
- Yakin bahawa 1970 *Lima Declarations* sepatutnya diintegrasikan dalam badan perundangan antarabangsa melalui Resolusi UN.

Manfaat yang diperolehi daripada simposium ini adalah amat berguna dan relevan dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Audit Negara ketika ini. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang telah mencadangkan agar satu kumpulan (*core group*) diwujudkan dengan keahlian terdiri daripada pegawai audit yang berpengalaman serta telah mendapat pendedahan yang meluas di bidang ini di peringkat antarabangsa ditubuh. Beliau menyarankan agar pasukan ini menjadi peneraju dalam bidang fraud dan rasuah di Jabatan. Terma rujukan kumpulan ini adalah:

- Mengkompilkan bahan/dokumen (standard, garis panduan) yang telah diterbitkan oleh institusi antarabangsa;
- Menimbulkan kesedaran serta membangunkan minat, pengetahuan serta kemahiran dalam bidang ini kepada pegawai jabatan;
- Mengumpulkan kes/penemuan yang berunsur fraud dan rasuah yang pernah dibangkitkan oleh Jabatan dan juga kes-kes yang sedang disiasat atau telah didakwa ke mahkamah oleh MACC; dan
- Menerbitkan artikel yang membuat analisis dan juga *lessons learned* daripada pengauditan.

Disediakan oleh:

Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan

Tarikh: 20 Februari 2009